

SOKA
MUSIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
WLC05-MH/TK**

7H5M KLASIK EROPAH 4 NEGARA

**UNITED KINGDOM - NETHERLANDS
- BELGIUM - FRANCE**



OXFORD STREET IALAH KAWASAN MEMBELI-BELAH PALING POPULAR DI LONDON, MENEMPATKAN RATUSAN KEDAI JENAMA TERKENAL. SUASANYA SENTIASA MERIAH DAN MERUPAKAN LOKASI TERBAIK UNTUK MEMBELI PAKAIAN, AKSESORI, KOSMETIK DAN CENDERAMATA PADA HARGA BERPATUTAN.

7H5M

KLASIK EROPAH 4 NEGARA

UNITED KINGDOM - NETHERLANDS
- BELGIUM - FRANCE

SO KA
MUSEUM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
WLC05-MH/TK**

HARI 01 KUALA LUMPUR - LONDON

- Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke London. Transit Istanbul (bagi penerbangan Turkish Airlines). Bermalam di **London**.

HARI 02 LONDON - HARWICH

SP/MM

Lawatan di **London**:

- Buckingham Palace**: Istana rasmi pemerintah diraja England dan peserta berpeluang untuk melihat upacara pertukaran pengawal diraja dan berfoto di **Victoria Memorial** yang merupakan sebuah monumen air pancut di hadapan istana.
- Palace of Westminster**: Bangunan Parlimen tempat persidangan ahli-ahli politik UK yang amat terkenal dengan menara jam ikonik **Big Ben** dan berhampiran dengannya iaitu ferris wheel gergasi **London Eye**.
- Westminster Abbey** yang menjadi tempat pertabalan raja dan perkahwinan keluarga diraja.
- Trafalgar Square** yang merupakan sebuah dataran terkenal sempena kemenangan British dalam Battle of Trafalgar pada tahun 1805 dan menempatkan **Nelson's Column** iaitu sebuah menara dikelilingi 4 ekor singa.
- Tower of London** yang kini merupakan istana menyimpan mahkota pemerintah United Kingdom dan **Tower Bridge** iaitu jambatan yang cukup terkenal sebagai ikon London.
- Downing Street** yang menempatkan pejabat Perdana Menteri UK dan juga bangunan yang cukup unik iaitu **City Hall** yang terletak di **The Queens Walk**.
- Houses of Parliament** berfungsi sebagai tempat pertemuan kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Pertuanan. Bangunan Parlimen terletak di tebing utara Sungai Thames di Bandar Westminster di tengah Kota London, England.
- Masa terluang untuk berfoto di **Marble Arch** yang dibina pada tahun 1850 di Hyde Park dan membeli-belah di tengah kota London iaitu di Oxford Street yang menempatkan pelbagai gedung membeli-belah terkenal seperti Primark, Marks & Spencer dan Lilywhites.
- Membeli-belah di tengah kota London iaitu di **Oxford Street** di mana hampir 300 kedai dengan pelbagai gedung membeli-belah terkenal seperti Primark, Marks & Spencer dan Lilywhites.
- Menikmati pengalaman membeli-belah di **Battersea Power Station** yang menawarkan pelbagai jenama terkenal, pilihan restoran halal, di samping berpeluang mencuba aktiviti menarik seperti **Chimney Lift Experience** dan **Jurassic World Experience**.
- Bermalam satu malam di atas kapal dari Harwich ke Hook of Holland yang memberikan pengalaman yang unik, di mana dapat menikmati suasana yang tenang sambil melintasi perairan menuju destinasi baru.

HARI 03 AMSTERDAM

SP/MM

Lawatan di **Amsterdam**:

- Dibawa ke perkampungan tradisi orang Belanda di **Zaanse Schans**, di mana peserta berpeluang berfoto secara dekat dengan pelbagai jenis kincir angin tradisional yang terdapat di sini.
- Lihat sendiri pembuatan terompah kayu tradisional di **Wooden Shoe Workshop** dan cara pembuatan keju di **Cheese Farm Catharina Hoeve**.
- Bersolat di **Fatih Mosque** yang dahulunya merupakan sebuah gereja Katolik yang dibina pada tahun 1921.

- Melawat galeri pembuatan berlian **Gassan Diamonds**.
- Rasai pengalaman unik menaiki **Canal Cruise** menyusuri sepanjang terusan di kota ini sambil melihat bangunan-bangunan bersejarah di sekitar Amsterdam.
- Waktu bebas di **Damrak Square** yang menempatkan **Royal Palace**, **National Monument**, **Amsterdam Centraal** dan membeli-belah di kawasan tumpuan orang tempatan iaitu **Kalverstraat**. Bermalam di **Amsterdam**.

HARI 04 AMSTERDAM - BRUSSEL - PARIS

SP/MM

Khas Lawatan Bulan April:

- Melawat dan bergambar di **Keukenhof Garden** juga dikenali sebagai Taman Eropah adalah salah satu taman bunga terbesar di dunia yang terletak di Netherland. Keluasan taman ini adalah seluas 32 Hektar dan dianggarkan terdapat 7 Juta jenis bunga yang ditanam di sini.

Lawatan di **Brussels**:

- Bergambar di **Atomium**, sebuah struktur atom unik yang dibina sempena Brussels World's Fair 1958.
 - Melawat **Grand Place** yang terletak di tengah bandar Brussels di mana terletak sekelilingnya **Flamboyant Town Hall**, **Guilds of Brussels** dan **King's House** dan akhirnya dibawa ke tugu ikonik lagenda **Manneken Pis**.
 - Peserta boleh mencuba makanan terkenal di sini iaitu waffle dan membeli coklat buatan tempatan.
- Bermalam di **Paris**.

HARI 05 PARIS

SP/MM

Lawatan di **Paris**:

- Galleries Lafayette** rangkaian pusat membeli-belah Perancis yang mewah dan terbesar di Eropah. Galeri utamanya di Boulevard Haussmann, Paris tetapi kini beroperasi di beberapa lokasi lain. Pengunjung dapat membeli belah dan menghayati seni bina bangunan yang sangat menarik.
- Bersiar menaiki bas melepasi **Louvre Museum** di mana potret Mona Lisa dipamerkan, **Les Invalides** yang pernah menjadi hospital tentera satu ketika dahulu dan **Palais Garnier** yang merupakan sebuah teater opera yang boleh memuatkan hampir 2,000 orang.
- Bergambar di **Arc de Triomphe** yang cukup terkenal sebagai tanda penghormatan kepada wira Perancis ketika French Revolution dan Peperangan Napoleon.
- Eiffel Tower**: Menara ikonik kota Paris yang dibina sempena World's Fair lebih 130 tahun dahulu.
- Bersolat di **Grand Mosque Paris** yang dibina pada tahun 1926 dengan menaranya setinggi 33m dan terletak berhampiran **Notre-Dame Cathedral** yang merupakan salah satu binaan Gothic yang unik. Bermalam di **Paris**.

HARI 06 PARIS - KUALA LUMPUR

- Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. Transit Istanbul (bagi penerbangan Turkish Airlines).

HARI 07 KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



EUR 1 =
MYR 5.20



GBP 1 =
MYR 6.00



PERBEZAAN WAKTU

Amsterdam, Brussels & Paris: GMT+1
London : GMT+0 | Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.

ONE NIGHT CRUISE

Bermalam satu malam di atas kapal dari Harwich ke Hook of Holland yang memberikan pengalaman yang unik, di mana dapat menikmati suasana yang tenang sambil melintasi perairan menuju destinasi baru.

2.

CANAL CRUISE

Rasai pengalaman unik menaiki Canal Cruise menyusuri sepanjang terusan di kota ini sambil melihat bangunan-bangunan bersejarah di sekitar Amsterdam.

3.

BUCKINGHAM PALACE

Istana rasmi pemerintah diraja England dan peserta berpeluang untuk melihat upacara pertukaran pengawal diraja dan berfoto di Victoria Memorial yang merupakan sebuah monumen air pancut di hadapan istana.

4.

EFFEL TOWER

Menara ikonik kota Paris yang dibina sempena World's Fair lebih 130 tahun dahulu.

Hotel Penginapan 3 * Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
London	1 Mlm
Hook of Holland (cruise)	1 Mlm
Amsterdam	1 Mlm
Paris	2 Mlm

Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 04	KUL - LHR	0925	1525
6	MH 21	CDG - KUL	1125	0610+1

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	TK 63	KUL - IST	0950	1540
1	TK 1983	IST - LHR	1900	2100
6	TK 1834	CDG - IST	1750	2230
7	TK 60	IST - KUL	0140	1715

1	TK 63	KUL - IST	0950	1540
1	TK 1983	IST - LHR	1900	2100
6	TK 1830	CDG - IST	0720	1200
6	TK 62	IST - KUL	1650	0810+1

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel & makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan & pelancong yang professional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran
- Tiket melawat galeri Gassan Diamonds
- Pengangkutan bot Canal Cruise Amsterdam.
- Pengangkutan kapal dari Harwich ke Hook of Holland.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Sila rujuk agent untuk pembelian insurans yang sesuai
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.
- Urusan permohonan visa (UK ETA) perlu dilakukan oleh travel agent sendiri.